

# Punca kematian disahkan bukan tibi, leptospirosis

B/H 12/06/2009 M1509

➔ Kementerian Kesihatan masih tunggu keputusan ujian

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman  
wananwar@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**K**ementerian Kesihatan masih menunggu keputusan ujian untuk mengetahui punca penyakit yang menyerang masyarakat Orang Asli suku Batek di Kampung Kuala Koh, Gua Musang yang setakat ini menyebabkan 14 kematian.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata setakat ini Kementerian mendapati penyakit yang dihadapi oleh mangsa bukannya berpunca daripada tuberculosis (tibi) dan leptospirosis.

**Yakin dapat diselesaikan segera**  
"Sehingga hari ini (semalam), punca jangkitan masih belum dapat dipastikan. Bagaimanapun, keputusan ujian tibi dan leptospirosis adalah negatif. Saya yakin jawapan kepada persoalan ini dapat diselesaikan segera," katanya dalam kenyataan, kelmarin.

Kelmarin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, P Waytha Moorthy memaklumkan 14 kematian Orang Asli dilaporkan ketua masyarakat di situ bermula 2 Mei hingga 7 Jun.

Sehingga kini, masih terdapat

47 mangsa menerima rawatan, masing-masing 37 orang di Hospital Gua Musang, Hospital Kuala Krai (12), termasuk seorang kanak-kanak berusia tiga tahun yang masih kritikal dan menerima rawatan di Hospital Raja Perempuan Zainab 2.

Dr Dzulkefly sebelum ini berkata, petugas kesihatan dari Kementerian mula masuk ke perkampungan Orang Asli di Kuala Koh setiap minggu, sejak April

lalu, bagi merungkai polemik jangkitan penyakit yang didakwa menular di kawasan terabit.

Katanya, sepanjang mengendalikannya pemeriksaan menyeluruh, petugas Kementerian Kesihatan berdepan kesulitan kerana cara hidup Orang Asli yang berpindah-randah apabila wujud ahli keluarga mereka meninggal disebabkan pelbagai faktor.



Muka depan  
BH semalam.